

Kemahiran



Bertulis

A

Sistem Bahasa

Kata Nafi dan Kata Pemerih



Nota SMART

Kata Nafi

1. Kata nafi ialah perkataan yang digunakan untuk menidakkan sesuatu perkara atau pernyataan.
2. Terdapat dua kata nafi, iaitu:
 - (a) **bukan** – Berfungsi untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama.
 - (b) **tidak** – Berfungsi untuk menafikan frasa kerja dan frasa adjektif.
3. Walau bagaimanapun, kata nafi *bukan* juga boleh hadir sebelum kata kerja dan frasa adjektif jika kedua-duanya menunjukkan maksud pertentangan maklumat. Contohnya:
 - *Luqman bukan sahaja bijak bahkan kacak juga.*

Kata Pemerih

1. Kata pemerih ialah perkataan yang menerangkan subjek dalam ayat.
2. Terdapat dua kata pemerih, iaitu:
 - (a) **ialah** – Diletakkan di hadapan frasa nama bagi menerangkan maksud persamaan. Contohnya:
 - *Bunga raya ialah bunga kebangsaan negara kita.*
 - (b) **adalah** – Diletakkan di hadapan frasa adjektif atau frasa sendi nama untuk menerangkan sesuatu secara huraian. Contohnya:
 - *Kepakaran beliau adalah dalam bidang bahasa.*
 - *Rantai itu adalah palsu.*

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kompang di penjuru bilik itu _____ kepunyaan Pak Ali, tetapi kepunyaan Pak Ismail.

A ialah	C tidak
B adalah	D bukan
2. Persembahan tarian tradisional itu diadakan _____ untuk menghiburkan pelancong di samping memperkenalkan warisan bangsa kepada pelancong.

A ialah	C tidak
B adalah	D bukan

3. Gambus _____ alat muzik tradisional yang berasal dari Turki dan Arab.

A ialah	C tidak
B adalah	D bukan

Soalan 4 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

4. Bengkel kraf tangan yang diadakan itu ialah _____ untuk memelihara seni kraf agar _____ pupus ditelan zaman. Tiada kesalahan.

D

5. "Tanah ini tidak hak saya lagi kerana saya
A
sudah menjualnya kepada Encik Zain," kata
B C
Encik Hamid. Tiada kesalahan.
D

6. Rafida begitu teruja dan tidak sabar untuk
A B C
melihat persembahan lagu-lagu tradisional
di Istana Budaya. Tiada kesalahan.
D

Praktis **PT3** Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Risalah ini ialah tentang seni pertahanan diri rakyat Malaysia.

2. Pertandingan permainan tradisional ini tidak untuk murid-murid tingkatan tiga dan lima.

3. Kita hendaklah berlatih dengan bersungguh-sungguh supaya bukan kalah dalam pertandingan wayang kulit itu nanti.

4. Tukang karut itu tidak ayah Hasif, tetapi ayah saudaranya.

5. Perempuan yang berbaju kurung hijau muda itu adalah pemenang pingat emas dalam pertandingan seni silat peringkat negeri.
